



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/10/72 (HQ)

### EMPANGAN TNB BANTU ELAK BENCANA BESAR

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah membuat persiapan awal bagi menghadapi musim tengkujuh bagi ke semua tiga stesen hidroelektriknya selaras dengan fungsi kedua empangan-empangannya sebagai tebatan banjir, kata Chief Generation Officer (Ketua Pegawai Penjanaan) TNB Ir. Roslan Abd Rahman.

“Selain menjana elektrik, empangan-empangan TNB mempunyai kapasiti menakung air di hulu sungai yang dapat mengelakkan bencana lebih besar daripada berlaku di kawasan hiliran setiap kali musim tengkujuh tiba,” jelasnya.

Menurutnya, beberapa siri taklimat persediaan dan latihan kecemasan di stesen-stesen hidroelektrik dan pejabat operasi TNB telah dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan siapsiaga semua pihak di musim tengkujuh.

“Persediaan ini dilakukan bersama pihak berkuasa tempatan serta agensi-agensi berkaitan bagi memastikan proses pelepasan air secara terkawal di beberapa empangan hidroelektik berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP),” kata Roslan.

Beliau turut memberi jaminan kesemua empangan hidroelektrik milik syarikat utiliti nasional itu berada dalam keadaan baik serta selamat.

Empangan-empangan TNB terletak di Tasik Kenyir, Terengganu; Cameron Highlands, Pahang dan Sungai Perak, Perak.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik, orang ramai boleh menghubungi talian TNB CareLine di 1-5454 atau Facebook TNB Careline.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 Oktober 2019, jam 12.00 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Shaary di talian 019-3369681 /*

*Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524*

*atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*